

Headline	Sedekah suami pahala haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	19	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	Nur Izzati Mohamad	AdValue	RM 2,473
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,419



Sedekah suami pahala haji

» *Kematian pasangan April lalu tak halang laksana ibadah*

Oleh Nur Izzati Mohamad

► Georgetown

Kehilangan suami beberapa bulan sebelum mereka berdua menuaikan ibadat haji tidak melemahkan semangat Mah Abdul Hamid, 71.

Mah dari Selama, Perak, sedih kerana hasrat suaminya tidak kesampaian, tetapi dia akan mendoaakan kesejahteraan arwah ketika di Makkah nanti.

Hidap barah

“Sepatutnya hari ini (semalam) saya akan menuaikan haji bersama suami tetapi apakah daya suami sudah meninggal dunia pada April lalu akibat barah usus.

“Justeru, saya menjadikan ibadat haji ini untuk mendoaakan arwah suami dan sedekahkan pahala haji yang ke-

pada arwah,” katanya di Kompleks Tabung Haji Bayan Lepas, di sini, semalam.

Jemaah lain, Abu Saffian Ibrahim, 62, dari Balik Pulau, pula bersyukur kerana doanya sejak lima tahun lalu untuk menunaikan ibadat haji dimakbulkan.

Doa dapat haji mabruk

Beliau yang kehilangan tangan kiri akibat kemalangan

dihempap kayu balak 36 tahun lalu, berharap mendapat haji yang mabruk.

Mereka antara 278 jemaah yang akan menunaikan ibadat haji melalui penerbangan KT34 yang berlepas pada jam 1.20 tengah hari.

Sementara itu, Pengarah Operasi Stesen Bayan Lepas 1434H, Amat Kassim Pait, berkata pihaknya menguruskan 1,394 jemaah yang kebanyakannya kali pertama menunaikan haji.

“Sebanyak 836 jemaah daripada kumpulan pertama hingga ketiga sudah berlepas ke Makkah manakala jemaah kumpulan keempat dan kelima pula akan berlepas pada 27 September dan 1 Oktober ini,” katanya.

Saya jadikan ibadat haji ini untuk doakan arwah suami”

Mah Abdul Hamid,
Jemaah haji